

Mango Jazz Night berlangsung meriah

•UB 4.5.2013 B1

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH
i.sabkhanUB@gmail.com

PERSEMBAHAN penuh bertenaga dengan alunan muzik jazz yang cukup memukau serta sambutan yang penuh meriah pada 'Konsert Mango Jazz Night' yang berlangsung baru-baru ini pasti memberikan suatu kenangan yang menarik bagi setiap yang hadir.

Konsert yang telah diadakan pada 1 Mei di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang dianjurkan bersempena sambutan Hari Jazz 2013 di Borneo itu disertai oleh enam kumpulan band dan penampilan khas daripada kumpulan jazz terkenal Jepun, Ralyzz Dig.

Terdahulu, satu bengkel telah diadakan oleh Yuichiro Tokuda, ketua kumpulan Ralyzz Dig pada jam 2 hingga 3 petang manakala konsert malam berkenaan berlangsung kira-kira jam 8 hingga 11 malam.

Menurut Dekan Sekolah Pengajian Seni, PM Jamal Abdul Hamid, selain menyambut Hari Jazz Sedunia, konsert dan bengkel Mango Jazz Night juga diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar muzik UMS bagaimana pemuzik jazz profesional membuat

persembahan di atas pentas, selain berkongsi pengalaman mengenai teknik untuk meningkatkan teknik khususnya dalam bermain saksofon.

Bengkel yang berlangsung selama satu jam itu telah memberi sedikit sebanyak penerangan tentang teknik 'improvise' khususnya dalam bermain alat muzik saksofon yang boleh diaplikasikan bagi instrumen lain.

Para pelajar dan tetamu yang hadir memberi reaksi yang positif sepanjang berlangsungnya bengkel berkenaan dan Yuichiro Tokuda kelihatan selesa dengan respon yang diberikan.

Konsert Mango Jazz Night itu berlangsung dengan jayanya dan mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada para pelajar tidak kira dari dalam maupun luar kampus serta orang ramai yang turut hadir.

Dewan Resital dibanjiri dengan peminat-peminat jazz dari pelbagai tempat sekitar Kota Kinabalu dan dianggarkan lebih 500 orang hadir bagi menyaksikan konsert pada malam itu sehingga ada yang sanggup berdiri bagi menyaksikan persembahan daripada Ralyzz Dig.

Konsert itu turut menampilkan beberapa kumpulan band daripada

GAMBAR kenangan semua band yang membuat persembahan dalam konsert itu.



Kota Kinabalu iaitu UMS Students Jazz Band yang terdiri dari alumni pelajar muzik yang diketuai oleh Shaari. Mereka memainkan lagu yang bertajuk 'Spain' dan 'Mati Saja' sebagai pembuka tirai konsert pada malam berkenaan.

Band JPO Strings yang diketuai oleh Yap Ling telah memberi sebuah persembahan yang begitu menarik penonton dengan alunan 'Strings Orkestra' kanak-kanak yang begitu menghiburkan menerusi lagu 'Pink Panther'.

Turut mencuri perhatian penonton ialah satu persembahan

RALYZZ DIG bersama para pelajar UMS.



yang menampilkan kelainan oleh Asif dengan band Asif Pishori Jazz Trio, yang memukau penonton dengan gerakan jari-jemarinya di atas piano yang begitu menghiburkan.

Pemain saksofon turut menjadi tumpuan para penonton dengan aksi solo yang tersendiri daripada band Gavin Lawrence Groove Unit yang juga

bekas pelajar Program Muzik UMS, yang kini merangkap tutor di Sekolah Pengajian Seni. Salah sebuah lagu yang dipersembahannya ialah 'It's the Star Connection' daripada Kaori Kobayashi.

Band Jazz Soul Tone telah menggegarkan pentas dengan solo oleh gitaris Raymond serta dram solo oleh pemain dram mereka yang dikenali dengan panggilan Mat Rock. Band ini diketuai oleh Pensyarah Program Muzik UMS iaitu Khairil Anwar Dean.

Setelah dendangan pelbagai muzik jazz daripada pelbagai kumpulan yang silih berganti maka tiba-tiba persembahan daripada Ralyzz Dig.

Ternyata pesembahan itu adalah yang dinantikan oleh peminat sehingga memenuhi kerusi

di dewan berkenaan.

Persembahan Ralyzz Dig telah berjaya memukau penonton dengan alunan saksofon yang begitu mengagumkan serta permain dram, gitar serta piano yang sangat hebat memberi satu aura kepada para penonton yang bersorak menyaksikan persembahan mereka.

Bagi melabuhkan tirai persembahan pada malam itu sekali lagi band JackFruit & Rene Barow telah membuat persembahan yang


mencuit hati penonton dan meninggalkan kenangan kepada semua yang hadir dengan lagu 'Easy' dan 'Sayang Kinabalu' versi JackFruit sendiri.

Ternyata penonton begitu terhibur dengan persembahan yang ditampilkan oleh semua band pada malam itu para

penonton turut bersorak melihat aksi-aksi solo yang ditunjukkan oleh setiap pemuzik dan mereka juga memberikan respon yang sangat baik serta menyokong dari bawah pentas.

Konsert anjuran bersama UMS dan Rumah Terbalik itu turut mendapat kerjasama daripada 'Society of Performing Arts Kota Kinabalu Sabah' (Sparks), Sri Pelancongan Sabah dan Japan Foundation.

Turut hadir di konsert berkenaan adalah Konsulat Jepun, Hirofumi Morikawa, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof Dr Shahril Yusof, Dekan Sekolah Pengajian Seni, PM Jamal Abdul Hamid dan Dekan Pusat Penataran Ilmu, Bahasa Universiti Malaysia Sabah Prof Dr Vincent Pang.



PERSEMBAHAN daripada Ralyzz Dig.

